

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 JUNE 2016

Cabar berjuang sebagai pembangkang *UM - 23/6/2016*

KUALA LUMPUR 22 Jun - Tun Dr. Mahathir Mohamad dicabar untuk menentang Barisan Nasional (BN) secara terbuka sebagai seorang ahli politik pembangkang.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, bekas Perdana Menteri itu perlu berbuat demikian dan bukannya bersembunyi di sebalik gerakan bukan politik atau tidak berparti.

Beliau berkata, mengambil kedudukan dalam kepimpinan pembangkang adalah satu tindakan betul dari segi moral kerana Dr. Mahathir sudah melaksanakan peranan itu secara 'de facto'.

"Adalah jelas bahawa Dr. Mahathir tidak berhasrat untuk bersara daripada politik dan masih mahu terlibat secara langsung dalam medan politik.

"Sehubungan itu, beliau perlu melakukannya sepenuh masa dengan secara rasmi menjadi ahli dalam mana-mana parti

pembangkang dan mengambil kedudukan kepimpinan dalam parti itu. Ini akan menunjukkan komitmen ikhlas Dr. Mahathir untuk perjuangan politiknya," katanya dalam blog beliau, *sskeruak.blogspot.my* hari ini.

Dalam pada itu Salleh berkata, walaupun dalam pertengahan penggal pemerintahan kerajaan dan kempen memburok-burukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di peringkat global, namun BN telah mencapai kemenangan besar dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak dan dua Pilihan Raya Kecil (PRK)

Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Kata beliau, keadaan itu jelas membuktikan pihak pembangkang kini berada dalam kedudukan kucar-kacir dan tidak mampu menunaikan tanggungjawabnya kepada rakyat dengan menawarkan kerajaan alternatif yang boleh berfungsi.



SALLEH SAID KERUAK